

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**TINDAKAN MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM) UNTUK  
MENYEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER 3 SIJIL  
TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2023**

1. Kenyataan media ini ialah lanjutan daripada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pada 3 Julai 2024 tentang Ralat Keputusan Peperiksaan Semester 3 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Tahun 2023 Yang Disemak Melalui Portal MPM.
2. Seperti yang telah dimaklumkan, keputusan calon yang dikeluarkan pada 3 Julai 2024 mulai jam 10:00 pagi pada sistem pesanan ringkas (SMS) adalah betul dan tepat, tetapi pada keputusan calon yang dimuat naik ke portal MPM menunjukkan terdapat ralat pada keputusan tersebut.
3. Ralat pada keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 calon di portal MPM telah pun dibetulkan sepenuhnya pada 3 Julai 2024, jam 10:20 pagi dan calon boleh mendapatkan keputusan masing-masing yang betul dan tepat di portal MPM selepas waktu itu.

4. Ini bermakna keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 yang betul dan tepat di portal boleh disemak mulai jam 10:20 pagi pada 3 Julai 2024.
5. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan MPM terhadap keresahan/keraguan calon tentang keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 yang terdapat di portal MPM yang telah pun dibetulkan, MPM akan melaksanakan penyemakan yang teliti antara **markah pada skrip jawapan calon** dengan **markah dan gred calon dalam pelayan (server)** di portal MPM, dan dengan **gred pada slip keputusan calon** bagi memastikan dan mengesahkan bahawa calon menerima keputusan yang betul dan tepat selaras dengan prestasi calon semasa menjawab soalan bagi kertas yang berkenaan.
6. Tempoh penyemakan tersebut adalah dari 5 Julai 2024 hingga 9 Julai 2024.
7. Sehubungan itu, calon boleh menyemak keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 yang telah disahkan betul dan tepat pada **10 Julai 2024, mulai jam 12:00 tengah hari**.
8. Bagi calon yang masih tidak berpuas hati terhadap keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2023 yang dikeluarkan pada 10 Julai 2024, mulai jam 12:00 tengah hari, calon boleh mengemukakan Rayuan Semak Semula Keputusan Peperiksaan Semester 3 STPM 2023 secara dalam talian melalui pautan [https://mecea.mpm.edu.my//SS\\_STPM/](https://mecea.mpm.edu.my//SS_STPM/).

MPM dengan ini sekali lagi memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi oleh calon dan memaklumkan bahawa MPM mengambil serius terhadap perkara ini serta akan memastikan perkara sebegini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

**-TAMAT-**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**4 JULAI 2024**